

09/07/1998

RM600 juta untuk Cyberjaya: Mahathir (HL)

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan meluluskan peruntukan tambahan RM600 juta untuk memajukan Cyberjaya, bandar raya pintar pertama di dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga tetap akan meneruskan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang merangkumi Cyberjaya, meskipun negara mengalami kegawatan ekonomi.

"Projek itu tetap diteruskan walaupun gawat atau tidak gawat. Saya pasti projek ini akan berjaya mencapai sasaran yang kita tetapkan," katanya pada majlis penutup Persidangan Kedua MSC anjuran Telekom Malaysia dengan kerjasama Majlis Perdagangan dan Perindustrian Nasional (NCCIM) serta Akademi TV3 di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan MDS Access, pusat penasihat dan perunding bagi perusahaan yang berkaitan MSC.

Cyberjaya adalah sebahagian daripada MSC, satu kawasan seluas 750 kilometer persegi ke selatan ibu negara yang akan menjadi tumpuan bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Dr Mahathir berkata, untuk maju setanding atau lebih baik daripada negara maju lain, Malaysia harus menguasai teknologi maklumat (IT) dan multimedia.

Beliau berkata, Malaysia mesti meneruskan MSC kerana ia sudah mempunyai kawasan yang sedia ada untuk dimanfaatkan bagi memajukannya.

"Adalah satu perkara yang logikal untuk memiliki bangunan berkembar (Petronas), Putrajaya, Cyberjaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di bawah satu kawasan (MSC) yang akan menjadi lokasi yang menarik bagi pelbagai pihak menghasilkan teknologi baru bagi multimedia.

"Ini penting bagi pembangunan kita. Setelah kita berjaya menjadi negara industri, kita mesti mencuba IT dan multimedia.

"Kerajaan amat komited dalam membangunkan MSC dan semua wang yang kita mampu, akan disalurkan ke projek ini dan ia akan dilaksanakan," katanya.

Justeru, Dr Mahathir mahu usahawan tempatan termasuk dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS), turut menyertai projek MSC, selain usahawan negara asing.

Dalam dialog bersama peserta selama setengah jam selepas majlis perasmian berkenaan pula, Dr Mahathir mengingatkan rakyat supaya tidak mudah marah dan keliru, sebaliknya mesti bersyukur dan pada masa yang sama hendaklah terus mencuba dalam melaksanakan pelbagai teknologi baru.

Beliau mengakui dalam pelaksanaan pelbagai kemudahan dengan teknologi baru seperti KLIA, negara tidak mampu menolak pelbagai kemungkinan berlakunya gangguan.

"Saya tidak dapat menjamin gangguan tidak akan berlaku lagi. Rakyat masih memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dalam pelaksanaan kemudahan yang memiliki teknologi baru dan canggih.

"Jika kita boleh mengawal rasa marah, tidak terkeliru dan terus mencuba melaksanakan dan menggunakan teknologi ini, lambat laun masalah akan berkurangan," katanya.

Mengenai penyertaan masyarakat luar bandar dalam pembangunan IT dan Multimedia, Dr Mahathir yakin mereka mempunyai keupayaan untuk menguasai teknologi tertentu jika mendapat bimbingan.

Sebagai contoh, katanya, apabila pameran IT dan multimedia diadakan, ramai penduduk luar bandar yang berminat menyertainya dan melihat sendiri apa yang dikatakan dengan teknologi baru itu.

Katanya, masyarakat luar bandar yang memiliki minat yang tinggi, mampu menguasai teknologi tertentu dengan pantas dan cepat jika menerima tunjuk ajar.

(END)